

PAIRIN, NIK AZIZ TERSINGKIR

Ⓟ Mh.M. 11 NOV 1990

Oleh
Mohd. Noor Che Mat

KUALA LUMPUR 10 Nov. — Menteri Besar Kelantan dan Ketua Menteri Sabah tidak akan dijemput menghadiri mesyuarat antara Ketua - Ketua Menteri dan Menteri - Menteri Besar dengan Kerajaan Pusat, kata Perdana Menteri.

Mulai sekarang, Kelantan akan diwakili oleh Menteri Belia dan Sukan, Senator Haji Annuar Musa dan Sabah oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Sakaran Dandai.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang mempengerusikan mesyuarat pertama Menteri - Menteri Besar dan Ketua - Ketua Menteri hari ini berkata, adalah sukar berunding dengan orang yang menolak Barisan Nasional.

Beliau menegaskan, mesyuarat tersebut bukanlah sesuatu yang dikehendaki oleh undang - undang tetapi hanyalah saluran untuk menyelaraskan kegiatan antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat

Bercakap kepada para wartawan selepas mesyuarat tersebut, yang pertama selepas pilihanraya umum, Perdana Menteri berkata: "Kita cuma ingin menyelaraskan perhubungan antara kerajaan negeri yang dikuasai oleh Barisan Nasional dan Kerajaan Pusat yang juga dikuasai oleh Barisan Nasional.

"Untuk negeri - negeri Kelantan dan Sabah, perkara - perkara biasa akan melalui saluran - saluran biasa yang sedia ada."

Selain Haji Annuar Musa dan Tan Sri Sakaran Dandai, Ketua Menteri Pulau Pinang Dr. Koh Tsu Koon menghadiri mesyuarat itu buat pertama kali. Ia berlangsung selama tiga jam di Bangunan Parlimen dan turut dihadiri oleh menteri - menteri.

Diminta menghuraikan mesyuarat antara kerajaan - kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat itu, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, ia mula diadakan selepas 1970 semasa semua kerajaan negeri termasuk kerajaan Pas di Kelantan dikuasai oleh Barisan Nasional.

"Selepas PBS memenangi pilihanraya Sabah pada tahun 1985, walaupun ia tidak menjadi anggota BN, tetapi mereka menunjukkan minat untuk menyertai Barisan Nasional, jadi kita pun jemput mereka.

LIHAT MUKA 12

PAIRIN, NIK AZIZ TERSINGKIR

"Pada masa itu tidak ada sebarang masalah (hubungan Kerajaan Pusat dengan negeri).

"Tapi kali ini mereka membuat kenyataan bahawa mereka menolak Barisan Nasional, jadi sukarlah kita hendak ada rundingan dengan mereka," ujar beliau.

Kelantan kini dikuasai oleh Pas, Semangat 46 dan Berjasa dengan Haji Nik Aziz Nik Mat sebagai Menteri Besar manakala Sabah pula dikuasai oleh PBS pimpinan Datuk Sri Joseph Pairin Kitingan yang keluar daripada Barisan Nasional menjelang pilihanraya umum 21 Oktober lalu.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat hari ini telah membuat beberapa ketetapan untuk menyelaraskan kegiatan antara kerajaan - kerajaan negeri dan Pusat.

Antaranya ialah:

- Menubuhkan jawatankuasa bersama ahli - ahli Exco negeri yang dipengerusikan oleh Menteri Pusat yang bertanggungjawab terhadap portfolio tertentu;
- Memudahkan permohonan mendapatkan lesen tertentu dengan mengurangkan kerenah birokrasi;
- Menghapuskan penggunaan nama kampung baru. Semua kampung yang diwujudkan akan dianggap sebagai kampung biasa;
- Menyeragamkan semua syarat pemberian tanah oleh kerajaan - kerajaan negeri untuk Projek Gas Semenanjung; dan
- Menggalakkan yayasan - yayasan negeri menganjurkan kursus latihan perindustrian bagi para lepasan sekolah.

Menurut Perdana Menteri, jawatankuasa Exco itu akan menggabungkan ahli - ahli Majlis Mesyuarat Negeri (Exco) yang bertanggungjawab mengenai perkara tertentu bersama Menteri Pusat.

Sebagai contoh, kata beliau, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan mempengerusikan jawatankuasa yang terdiri daripada ahli -

ahli Exco yang bertanggungjawab mengenai kebudayaan dan pelancongan.

Jawatankuasa itu akan mengadakan mesyuarat mereka di negeri - negeri tertentu mengikut masa yang sesuai dan jika timbul sebarang masalah, mereka akan menyelesaikannya secara bersama dengan Menteri - Menteri Besar atau Ketua - Ketua Menteri.

Usaha juga sedang diambil untuk memudahkan permohonan mendapatkan lesen tertentu yang sekarang ini memerlukan banyak syarat, katanya.

"Umpamanya, untuk membuka hotel, seseorang pengusaha perlu mendapatkan 34 lesen. Untuk membuka kilang pula, pengusaha perlu mendapatkan banyak lesen lain.

"Unit Permodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU) sudah membentuk cadangan mengurangkan proses birokrasi supaya semua permohonan mendapatkan lesen hanya menggunakan satu borang sahaja," katanya.

Selain itu, tambah beliau, mesyuarat juga berse-

tuju supaya semua yayasan kerajaan negeri menganjurkan kursus untuk lepasan sekolah di institut - institut latihan dan kemahiran dalam bidang - bidang mekanikal, elektronik dan perindustrian.

Perdana Menteri berkata, semua kampung akan dianggap sebagai kampung biasa iaitu sama ada kampung di luar bandar atau kampung di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan.

Mesyuarat itu, katanya, bersetuju supaya Kerajaan Pusat mengadakan perbincangan dengan kerajaan - kerajaan negeri untuk menyeragamkan semua syarat memberi tanah untuk projek gas Semenanjung.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kini terdapat pelbagai cara dan jangka masa yang ditetapkan oleh kerajaan negeri untuk tujuan tersebut.

"Umpamanya, kita hendak supaya syarat pemberian tanah itu disebut dengan jelas iaitu untuk kegunaan saluran gas dan bukan untuk industri, perumahan dan pertanian," jelas beliau.